

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI
HAJI ABDUL KARIM**

[BATANG LUPAR]

TARIKH SOALAN : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan mengenai program keusahawanan untuk wanita *MySMELady*. Sejauh manakah program ini dapat membantu usahawan wanita untuk menembusi pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sememangnya menyedari akan kepentingan untuk memupuk dan membimbang usahawan wanita dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, program *MySMELady* telah dilancarkan pada 8 Oktober 2018 khusus untuk usahawan PKS wanita sebagai menyokong pembinaan komuniti yang memperkasakan wanita. Program ini menawarkan bantuan pembiayaan berbentuk pinjaman kewangan sehingga RM1 juta untuk menggalakkan perniagaan yang meliputi perolehan aset dan modal kerja.
2. Antara keistimewaan program ini termasuklah pemohon dikenakan nilai cagaran yang minima dan diberi pilihan pengeluaran wang sehingga 30% daripada jumlah pembiayaan modal kerja melalui kad debit. Pemohon yang diluluskan pembiayaan akan menjadi ahli eksklusif *MySMELady Biz Club* secara automatik dan menikmati kelebihan sebagai ahli seperti mengikuti program pengembangan usahawan meliputi bimbingan niaga (*business coaching*), pendedahan kepada peluang perniagaan melalui forum dan seminar, program pemasaran serta pelbagai kemudahan lain.
3. Oleh kerana program ini baru diperkenalkan, keberkesanannya masih belum boleh diukur sepenuhnya. Walaubagaimanapun, SME Bank sedang giat mempromosi program ini agar usahawan wanita menerima maklumat yang lengkap tentang keistimewaannya.

Sekian, terima kasih.